

HARI :

TARIKH :

SILA SALIN NOTA DI BAWAH DI DALAM BUKU NOTA

Bab 6

Ancaman Komunis dan Perisytiharan Darurat

6.1

Kemasukan Pengaruh Komunis di Negara Kita

Nota

Kemasukan Pengaruh Komunis dari China

1. Fahaman komunisme mula dibawa masuk ke Tanah Melayu oleh cawangan Parti Kuomintang (KMT) yang berpusat di China pada awal tahun 1920-an.
2. Pertubuhan Main School turut bergerak dalam kalangan orang Hailam di bawah arahan Parti Komunis China (PKC).
3. Perpecahan antara KMT dengan PKC telah membawa kepada penubuhan Parti Komunis Nanyang pada tahun 1928.
4. Kegagalan PKN dalam misi menyebarkan ideologi komunis telah menyebabkan Comintern menubuhkan parti baru, iaitu Parti Komunis Malaya (PKM).

Kemasukan Pengaruh Komunis dari Indonesia

1. Orang Melayu tidak tertarik dengan fahaman komunis.
 - (a) Komunis menggunakan kekerasan

Penubuhan Parti Komunis Malaya (PKM)

1. Parti Komunis Malaya (PKM) ditubuhkan pada tahun 1930.
2. Tujuan utama adalah untuk membentuk Republik Komunis Malaya.
3. Fahaman komunisme telah disebarkan melalui

kesatuan sekerja, penerbitan akhbar dan sekolah Cina.

Peranan PKM pada Zaman Pendudukan Jepun (1941 – 1945)

1. Menubuhkan Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA) pada tahun 1942.
2. Menerima bantuan latihan ketenteraan, senjata, kewangan dan perubatan daripada British.
3. Bekerjasama dengan British untuk menentang Jepun.

Tanah Melayu selepas kekalahan Jepun

1. Kekosongan politik yang wujud selepas kekalahan Jepun pada tahun 1945 telah diambil kesempatan oleh PKM untuk menguasai Tanah Melayu melalui cawangan tenteranya MPAJA.
2. Pelbagai keganasan dilakukan
 - (a) Melakukan kekejaman dan menimbulkan huru-hara.
 - (b) Menjatuhkan hukuman terhadap sesiapa yang disyaki bekerjasama dengan Jepun
3. MPAJA telah dibubarkan selepas Pentadbiran Tentera British (BMA) mengambil alih pemerintahan.

6.2

Ancaman Komunis di Negara Kita

Nota

1. Dua persidangan pertubuhan komunis antarabangsa telah diadakan di Calcutta, India.
 - (a) Kongres Belia Asia (19 Februari hingga 25 Februari 1948)
 - (b) Parti Komunis India (Mac 1948)
2. Keputusan persidangan: Pengikut fahaman komunis dikehendaki mempergiatkan perjuangan menentang kuasa imperialis di setiap negara.
3. PKM telah melancarkan pemberontakan bersenjata untuk menubuhkan Republik Komunis di Tanah Melayu.

Perisytiharan Darurat

1. Pembunuhan tiga orang pengurus ladang berbangsa Eropah di Sungai Siput, Perak telah menyebabkan Pesuruhjaya Tinggi British, Sir

Edward Gent mengisytiharkan darurat di negeri Perak dan Johor pada 17 Jun 1948.

2. Undang-undang Darurat telah dikuatkuasakan ke seluruh Tanah Melayu pada 18 Jun 1948.

Tindakan Komunis

1. Komunis melakukan keganasan dan sabotaj adalah untuk
 - (a) Mencetuskan huru-hara
 - (b) Menjejaskan keyakinan penduduk terhadap British
2. Antara kegiatan yang dilakukan adalah
 - (a) Melumpuhkan ekonomi
 - (b) Merosakkan infrastruktur
 - (c) Mengancam keselamatan penduduk
 - (d) Menyerang pasukan keselamatan

